

BAHASA DAN PEMIKIRAN MELAYU oleh Hassan Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016. Halaman 392. ISBN : 978-983-46-1142-2.

Bahasa yang kita gunakan sebenarnya mempengaruhi cara kita melihat dunia. Namun, pernahkah kita terfikir, adakah bahasa yang kita guna setiap hari yang membentuk cara kita berfikir, atau cara kita berfikir dan budaya kitalah yang mencorakkan bahasa itu? Persoalan inilah yang dirungkai oleh Hassan Ahmad dalam Bahasa dan Pemikiran Melayu, sebuah gagasan ilmiah yang meneliti hubungan erat antara bahasa dan kerangka pemikiran orang Melayu. Tidak memadai jika masyarakat memahami bahasa itu sekadar mempelajari nahu atau tatabahasanya sahaja tetapi tidak tahu fungsi hakiki bahasa sebagai alat komunikasi yang mempunyai peranan sosialnya. Sebagai seorang tokoh bahasa yang berwibawa, Hassan Ahmad membawa pembaca menghayati peranan bahasa Melayu bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai wahana yang mencorakkan pemikiran, seterusnya menggerakkan kemajuan dan pembangunan tamadun

Buku ini membawa pembaca memahami hubungan antara bahasa dan bangsa melalui tujuh (7) bab yang disusun secara berperingkat. Setiap bab dipersembahkan dengan teknik penghujahan agar pembaca memperoleh maklumat yang menyeluruh tentang hubungan bahasa mempengaruhi cara kita berfikir, bahasa Melayu menentukan fikiran bangsa, epistemologi Melayu, kecelaruan dalam bahasa Melayu, sikap bangsa terhadap bahasa Melayu, dan potensi bahasa Melayu pembentuk tamadun tinggi serantau. Namun idea utama buku ini dikembangkan dalam Bab 5, Bab 6, dan Bab 7.

Dalam Bab 5, penulis menegaskan bahawa bahasa diperoleh manusia secara intuitif dan semula jadi. Teori ini memperlihatkan hubungan rapat antara bahasa dan pemikiran manusia. Justeru, peranan ahli bahasa bukanlah mencipta peraturan tatabahasa, tetapi mengkaji serta memperjelaskan aturan yang sudah sedia terhasil dalam minda penutur. Pandangan ini selaras dengan pendapat Chomsky bahawa manusia mengetahui bahasa secara innate, tidak melalui pengalaman belajar secara formal. Apabila penutur asli berkomunikasi, ujaran itu dianggap “betul” kerana ia selari dengan sistem bahasa yang wujud dalam komuniti mereka. Ahli bahasa hanya merakam dan menghuraikan ujaran tersebut. Menurut penulis, penutur asli bahasa Melayu juga boleh melakukan sekurang-kurangnya lima (5) jenis kesalahan. Kesalahan-kesalahan bahasa ini biasanya berlaku kerana terdapat percanggahan antara penggunaan bahasa seharian dengan peraturan tatabahasa.

Dalam Bab 6, penulis membincangkan bagaimana pemikir bahasa menilai kemajuan sesuatu bahasa. Pandangan “bahasa maju” dijelaskan melalui beberapa kriteria luaran. Sebagai contoh, bahasa yang belum mempunyai sistem ejaan atau tulisan yang tersusun dianggap belum maju. Kriteria lain berkaitan dengan bentuk atau ragam bahasa; bahasa yang masih dipandang sebagai dialek juga dianggap belum mencapai tahap kemajuan. Sebaliknya, sesuatu bahasa dikategorikan sebagai maju apabila ia telah menjadi bahasa standard, iaitu bahasa yang telah mengatasi pelbagai ragam dialek daerah dan sosial. Selain aspek korpus dan ragam dialek, bahasa maju juga sepatutnya mampu membincangkan ilmu dan idea moden yang berasal daripada bahasa lain yang sudah maju. Taraf bahasa maju juga sepatutnya boleh menjadi pengantara dalam pelbagai bidang. Penulis tidak menolak pandangan sikap bangsa menentukan tahap maju atau tidak bahasa itu.

Pada Bab 7, penulis mengakhiri buku ini dengan membincangkan kesinambungan sejarah bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun tinggi di rantau ini. Dalam bab ini, pembaca dapat

melihat bagaimana proses pemikiran melalui bahasa Melayu telah menyumbang kepada terbentuknya tamadun sosiobudaya dan sosiopolitik. Permulaan bahasa Melayu sebagai lingua franca di rantau ini berlaku dari segi geografi, kedudukan Asia Tenggara yang strategik di laluan perdagangan antarabangsa menjadikan bahasa Melayu medium perhubungan antara pedagang dan masyarakat pelbagai etnik. Dari sudut sosiobudaya dan sosiopsikologi, bahasa Melayu diterima secara meluas kerana sifatnya yang luwes serta mampu menampung kepelbagaian budaya tempatan. Perkembangan Islam di rantau ini turut memperkukuh kedudukan bahasa Melayu melalui tulisan. Hal ini jelas terlihat dalam sejarah kerajaan Melayu-Islam Samudera Pasai, di mana bahasa Melayu mula menjadi bahasa ilmu dan agama. Pengaruh ini kemudian mencapai kemuncak pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, apabila bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa pentadbiran dan diplomatik, malah digunakan dalam penggubalan undang-undang serta penulisan karya persuratan tinggi. Justeru, bahasa Melayu terbukti berkembang sebagai bahasa ilmu tinggi, yang menjadi asas kepada pembinaan tamadun sosiobudaya dan sosiopolitik di rantau ini.

Penulisan buku ini sarat dengan falsafah serta dihuraikan dalam gaya penulisan aras tinggi. Gaya penulisan sedemikian agak sukar difahami oleh pembaca umum. Idea penulis kepada pembaca akan lebih akrab sekiranya penulis dapat menggarap keluasan ilmu serta kedalaman pemikirannya melalui gaya penulisan yang lebih lunak. Penulis boleh mempelbagaikan gaya penulisan dengan pengaplikasian teknik retorik. Sebagai misalnya, retorik penceritaan atau retorik eksposisi dapat meminimalkan sifat ilmiah tersebut. Teknik penulisan dengan gaya sebegini boleh memudahkan pembaca menanggapi maksud tanpa rasa terbeban. Demikian juga dengan aspek penyampaian visual. Khususnya pada Bab 5 dan Bab 6, penulis seharusnya mengusahakan penggunaan gambar rajah atau jadual untuk menerangkan perbandingan pola bahasa harian dengan peraturan tatabahasa. Kekurangan ini sedikit sebanyak menyulitkan pembaca untuk mempertimbangkan antara bahasa dalam komunikasi harian dengan sistem bahasa yang tepat.

Sesungguhnya buku ini merupakan sebuah karya yang berharga kerana dapat memupuk kesedaran dalam kalangan bangsa Melayu untuk lebih menghargai nilai bahasa mereka. Namun, buku ilmiah tidak seharusnya memberi implikasi kepada pembaca berlatar belakang bidang pengajian Melayu atau para penyelidik dalam bidang tersebut sahaja, tetapi wajar disebar luas kepada sasaran pembaca umum. Tambahan pula, buku ini muncul ditengah-tengah ancaman homogenisasi budaya. Maka usaha menyemai rasa cinta dan penghargaan terhadap bahasa Melayu amat penting untuk dipertahankan. Justeru, buku ini seharusnya mendapat tempat di hati pembaca.

Nurul Fadzlin Mohd Asri

Jabatan Bahasa Melayu

Universiti Putra Malaysia